

Pilihan raya kampus: Penamaan calon bermula semalam

KUALA LUMPUR 13 Sept. - Bahang pilihan raya kampus bagi memilih pemimpin Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) sesi 2012/2013 di beberapa institusi pengajian tinggi awam (IP-TA) semakin terasa apabila beberapa universiti telah menetapkan tarikhnya pada minggu depan.

Antara universiti yang dijadual mengadakan pilihan raya kampus pada 25 September ini ialah Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Sains Malaysia (USM).

UPM sudah mengadakan proses penamaan calon MPP hari ini di dewan bangunan Kolej ke-13, Serdang serentak dengan kampus UPM Bintulu, Sarawak manakala USM dan UM dijadual 21 September.

Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Universiti Malaysia Perlis (Uni-MAP) menetapkan tarikh 20 September ini bagi pilihan raya kampus.

Pilihan raya kampus di UiTM melibatkan semua cawangannya di seluruh negara.

Sementara itu, suasana proses penamaan calon di UPM Serdang berjalan lancar tanpa berlaku sebarang insiden tidak diingini.

Beberapa anggota keselamatan universiti ditempatkan di lokasi penamaan calon bagi mengawal kelancaran proses dan mengelak berulang-



CALON Majlis Perwakilan pelajar Universiti Putra Malaysia, Tajul Asyraf Tajul Anuar (dua dari kiri) bersama pencadang, Mohammad Hafuz Mohd. Saad (kiri) dan penyokong Mohammad Fadzil Zainuddin menyerahkan borang pencalonan bagi pemilihan MPP 2012 di universiti tersebut di Serdang, semalam.

nya insiden merosakkan harta benda seperti yang berlaku tahun lalu.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UPM, Prof. Datuk Dr. Mohd. Fauzi Ramli berkata, sebanyak 115 borang pencalonan

manakala empat di kampus Bintulu mula diedarkan sejak tiga hari lalu.

Namun, katanya, sehingga pen- daftaran pencalonan ditutup tengah hari tadi, pihaknya menerima 92 bo- rang pencalonan di kampus UPM Ser-

dang manakala empat di Bintulu.

“Esok kita akan umumkan se- narai calon yang benar-benar layak untuk bertanding dan menepati kri- teria peraturan di semua papan no- tis sekitar universiti.

“Calon akan diberi tempoh empat hari untuk menarik diri atau menge- mukakan bantahan diikuti dengan proses berkempen yang dijadual 20 September ini selama empat hari,” katanya pada sidang akbar di sini.

Menurut beliau, calon yang ber- kempen dibenarkan memasang poster di 25 lokasi dalam kawasan kampus termasuk di Sudut Mahasiswa dan dilarang membabitkan penyertaan parti politik dalam pro- gram yang dianjurkan.

Pada masa sama, menurut Mohd. Fauzi, pihaknya terpaksa memper- ketatkan kawalan keselamatan di semua pintu masuk universiti se- panjang proses pilihan raya kampus berlangsung bagi memastikan tidak berlaku campur tangan pihak luar.

“Seperti yang terkandung dalam peraturan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) juga, kita boleh mengambil tindakan seperti amaran dan membuang mahasiswa dari- pada pengajian jika mereka melang- gar peraturan universiti,” katanya.

Ujarnya, bagi memastikan proses pilihan raya kampus berjalan lancar dan telus, pihaknya menujuhan empat jawatankuasa pelaksana yang diketuai ketua fakulti seperti Jawa- tankuasa Pemilihan MPP dan Jawa- tankuasa Audit Pemilihan MPP.